

17/09/1998

Konspirasi rekaan Anwar: MB

Ahmad Zaini Kamaruzzaman

ALOR STAR, Rabu - Dakwaan kononnya wujud konspirasi peringkat tertinggi dalam pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah cerita rekaan bagi memesongkan fikiran rakyat berhubung isu moral yang dihadapinya.

Menteri Besar, Tan Sri Sanusi Junid, berkata gerakan reformasi yang dicadangkan Anwar juga bertujuan menutup isu sebenar, iaitu pembabitannya dalam kegiatan tidak bermoral.

"Tiada konspirasi...isunya ialah cerita dia buat atau tak buat saja," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan majlis Exco negeri, di sini hari ini.

Sanusi berkata, Anwar terbabit dalam pakatan ketika perebutan jawatan Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Naib Presiden serta Timbalan Presiden parti sebelum ini.

"Itu dia kata konspirasi baik tapi kali ini dia kata ada konspirasi tidak baik. Mana boleh double standard," katanya.

Mengenai ceramah Anwar yang mendapat sambutan ramai, Sanusi berkata ia seperti penjual ubat di kaki lima kedai yang menarik perhatian ramai kerana sifat ingin tahu.

"Ia seperti orang jual ubat... ramai yang datang kerana mereka ingin tahu, tetapi tidak semua yang membeli ubat.

"Selain itu, ramai yang datang kerana mereka mahu dengar apa yang Anwar nak kata," katanya.

Beliau juga berkata, Anwar beranggapan beliau boleh meyakinkan orang ramai hanya dengan kepetahannya berpidato dan menyampaikan ucapan.

"Dia cuba membawa perbincaraan kesnya di jalanan tetapi bagi kita, perbincaraan adalah di mahkamah. Kita yakin dengan sistem kehakiman dan kerajaan tidak perlu mengadakan road-show," katanya.

Mengenai pembabitan Persatuan Ulama Kedah menganjurkan ceramah di sekolah agama Maahad Tarbiah Derang, dekat sini, Sabtu lalu, Sanusi berkata ia mungkin hanya membabitkan dua atau tiga ahli persatuan yang bersimpati dengannya.

"Ia seperti yang berlaku kepada Perdana Menteri yang pada peringkat awal tidak mempercayai salah laku Anwar. Tetapi selepas melihat semua buktinya, Dr Mahathir berasa sedih, kecewa dan jijik," katanya.

Berhubung pandangan bahawa tindakan terhadap Anwar sepatutnya diambil selepas keputusan mahkamah, Sanusi menjelaskan:

"Walau apa pun keputusan mahkamah, Dr Mahathir sudah menyatakan Anwar tidak sesuai untuk tugas itu. Bagaimana seseorang boleh bekerja dengan seorang yang tidak dipercayainya... malah suami isteri juga bercerai apabila mereka tidak boleh tinggal bersama lagi. Tiada orang persoalkan hak itu."

Selain itu, menurut Sanusi, Dr Mahathir tidak sebodoh itu untuk membuat keputusan penting bagi negara atau dipengaruhi oleh pihak lain, terutama ketika kegawatan ekonomi negara, Sukan Komanwel dan Persidangan Kerjasama Asia Pasifik (Apec) tidak lama lagi.

Sanusi juga ditanya mengenai dakwaan Anwar kononnya media tempatan tidak bersikap adil dalam membuat laporan mengenai isu itu.

Katanya, ketika Anwar menjadi Timbalan Perdana Menteri, ramai yang tidak mendapat liputan media tempatan.

"Sekarang, ia seperti laporan berat sebelah kerana ramai yang bercakap mengenainya. Bagaimanapun, pandangan dia juga dilaporkan," katanya.

Mengenai dakwaan Anwar kononnya wujud budaya takut dalam arena politik

negara, Sanusi berkata, dakwaan itu dibuat kerana tidak ramai ahli politik yang menyokongnya.

"Adalah salah menyatakan ramai yang takut kerana ketika Tengku Razaleigh Hamzah dan Tan Sri Musa Hitam meninggalkan kerajaan dahulu ramai yang mengikut mereka.

"Bagaimana dia kata wujud ketakutan jika orang tidak ikut dia tetapi bila orang lain buat ramai yang ikut," katanya.

(END)